

01/06/2002

Dilema pelajar bukan Melayu isu hangat

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

DILEMA peluang belajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi pelajar Cina dan India masih menjadi isu hangat akhbar Cina dan Tamil minggu ini yang rata-rata menekankan keperluan masalah itu diselesaikan secepat mungkin.

Tamil Nesan, dalam editorialnya, menyatakan daripada 3,900 pelajar India yang memohon ke IPTA, 2,537 memenuhi syarat kelayakan tetapi hanya 1,530 berjaya mendapat tempat di tujuh IPTA menerusi kaedah pengambilan berdasarkan merit tahun ini.

Lapor akhbar itu, jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa sistem meritokrasi akan dikaji semula memang dialu-alukan, tetapi satu rumusan segera diperlukan bagi membantu pelajar India yang terjejas.

Ia turut memetik kenyataan Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Dr Hassan Said, sebagai mengakui pelajar Bumiputera yang berpeluang mengikuti jurusan kritikal di IPTA merosot mendadak di Universiti Malaya (UM), sekali gus membuktikan meritokrasi bukan merugikan pelajar India saja.

Nesan juga menyiarkan saranan bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Dr Ishak Thambi Kechik, supaya Kementerian Pendidikan memansuhkan tiga sistem pendidikan prauniversiti yang diamalkan sekarang dan menggantikannya dengan satu sistem baru jika ingin memastikan keadilan dalam pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan meritokrasi.

Dr Ishak menegaskan, sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, kewujudan tiga sistem itu dilihat tidak sesuai dan lebih banyak menimbulkan prasangka antara kaum.

Malaysia Nanban pula memetik kenyataan Ketua Pemuda MIC, S A Vigneswaran, yang meminta Unit Pusat Universiti (UPU) menjelaskan kriteria minimum untuk diterima memasuki IPTA kerana masih ramai yang samar serta keliru mengenainya.

Katanya, pengetahuan lebih jelas mengenai kaedah pengambilan akan membolehkan pelajar berusaha memenuhi segala syarat yang ditetapkan, sekali gus mengelakkan permohonan mereka yang layak ditolak kerana masalah teknikal.

Akhbar itu juga menyiarkan kenyataan Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda MIC, S Sasasey, yang musykil kenapa kursus pilihan pelajar sering tidak diberikan, sebaliknya mereka ditawarkan kursus yang sepadan dengan kelulusan pelajar berkenaan.

Nanban pula melaporkan masalah dalam pembinaan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi (AIMST) tajaan MIC berharga RM460 juta di Semeling, Kedah berikutan keengganan sekumpulan setinggan berpindah dari tapak pembinaan itu.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata masalah itu melewatkan pembinaan selama empat bulan walaupun hampir 80 peratus kerja penyediaan tapak sudah siap dan penanaman cerucuk bagi empat bangunan utama sudah selesai.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya, berkata MIC sudah mengumpulkan kira-kira RM20 juta untuk pembinaan AIMST, manakala MCA di kawasan pilihan rayanya di Sungai Siput sudah menyumbangkan lebih RM100,000 dan difahamkan Gerakan juga sedang merancang majlis jamuan makan malam amal untuk kutipan derma bagi institut itu.

Sementara itu, ketiga-tiga akhbar berbahasa Cina kelmarin memetik Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, yang juga

Naib Presiden MCA, sebagai berkata, Kabinet pada mesyuarat mingguannya Rabu lalu memutuskan untuk membuka sekurang-kurangnya 10 peratus tempat di kelas matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) kepada pelajar Cina serta India.

Beliau berkata, permohonan kemasukan ke kedua-dua program itu akan mengambil kira latar belakang keluarga dan keputusan pemohon.

Katanya, keputusan itu yang akan mula dilaksanakan tahun depan, akan mencerahkan lagi peluang pelajar, khususnya pelajar Cina, memasuki IPTA.

Ong berkata, Kabinet turut mengarahkan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, menjalankan siasatan terhadap aduan yang diterima Jawatankuasa Rayuan dan Bimbingan IPTA Pemuda MCA.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan harus membetulkan kesilapannya jika siasatan itu mendapati pelajar cemerlang gagal memasuki IPTA disebabkan kesilapan teknikal.

Bagaimanapun, China Press, Khamis lalu, mencadangkan kerajaan membina lebih banyak IPTA bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

Katanya, pembinaan lebih banyak IPTA adalah langkah jangka panjang dan satu-satunya cara untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat di universiti awam selain dapat membantu negara mencapai matlamat menjadi pusat pendidikan cemerlang di rantau ini.

Penganalisis semasa Sin Chew Jit Poh berpendapat kerajaan harus terlebih dulu menyelesaikan keraguan masyarakat, iaitu mengkaji cara melaksanakan sistem merit yang adil kerana pembukaan 10 peratus tempat untuk kedua-dua program itu bukan persoalan utama.

Katanya, cara terbaik ialah menyeragamkan sistem peperiksaan kemasukan ke IPTA supaya semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama boleh bersaing secara sihat.

Penulis berpendapat, jika kerajaan tidak menghapuskan sistem merit yang 'cacat', pelaksanaan dua piawai akan mewujudkan perpecahan dan mengabaikan matlamat sebenar serta kualiti pendidikan negara.

Selasa lalu, editorial China Press mempersoalkan tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menolak permohonan enam pelajar untuk mendapat biasiswa dengan alasan mereka kurang memuaskan ketika temu duga.

Akhbar itu berpendapat, temu duga tidak boleh dijadikan alasan kerana keputusan peperiksaan enam pelajar terbabit adalah cemerlang.

JPA sepatutnya menggariskan dengan jelas semua peraturan dan syarat terperinci untuk mengelakkan birokrasi sesetengah pegawainya yang akan menyebabkan pelajar menjadi mangsa.

Akhbar itu berharap kerajaan boleh memberi perhatian terhadap semua aduan dan menjalankan siasatan secara telus bagi mengurangkan salah faham orang ramai.

Mereka berharap Kementerian Pendidikan boleh membantu kumpulan pelajar cemerlang terbabit setakat yang mampu supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran di luar negara.

(END)